



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	KOSMO		
TARIKH	:	25/9/2019	MUKA SURAT	: 12
JABATAN	:	PERHILITAN		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

Gajah berenang di Tasik Kenyir tarik perhatian

KUALA TERENGGANU - Aksi seekor gajah sedang berenang di Tasik Kenyir, Hulu Terengganu baru-baru ini menjadi tular di media sosial sejak Sabtu lalu selepas videonya dikongsi seorang pemancing di laman Facebook.

Mohd. Suwardi Muhammad Azmi, 37, yang merupakan Pembantu Pegawai Perubatan Hospital Sultanah Nur Zahirah di sini berkata, video itu dirakam salah seorang rakannya sewaktu menyertai aktiviti memancing di Tasik Kenyir baru-



MOHD. SUWARDI

baru ini. "Saya tidak menyangka video itu telah menarik perhatian orang ramai. Mungkin ramai tidak tahu bahawa gajah yang juga mamalia terbesar di dunia mempunyai kemampuan untuk berenang."

"Sebenarnya ini bukan kali pertama saya melihat gajah berenang. Kalau ikutan ini kali keempat sejak saya mula aktif dalam aktiviti memancing terutama di sekitar Tasik Kenyir," katanya kepada Kosmo!



TULAR video seekor gajah sedang berenang di Tasik Kenyir pada Sabtu lalu.

Setakat pukul 3.30 petang semalam, video gajah berenang di Tasik Kenyir itu telah dikongsi oleh 1,000 pemilik akaun Facebook lain selain menerima 888 tanda suka dan 34 komen.

Mohd. Suwardi berkata, sepanjang memancing di Tasik Kenyir,

dia pernah melihat beberapa haiwan liar lain yang berenang di tasik sedalam lebih 10 meter itu seperti rusa, kera, kancil, harimau, beruk, kijang dan babi.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Terengganu, Dr. Abdal Malek Mohd Yusof berkata, gajah sememangnya haiwan liar yang terdapat di dalam hutan belantara negeri ini termasuk Tasik Kenyir.

"Sebagai maklumat, gajah mempunyai kemampuan berenang selama enam jam tanpa henti pada kelajuan kira-kira 2.1 kilometer sejam," katanya.